

1.1

KUANTITI FIZIK

Dalam pembelajaran fizik, kita perlu menjalankan siasatan. Kita mengumpul maklumat melalui pemerhatian dan membuat pengukuran. Kita mengukur pelbagai jenis kuantiti.

Apakah itu kuantiti fizik?

Aktiviti 1

Tujuan : Mengkaji kuantiti asas

1. Anda dibekalkan sebongkah kayu. Gunakan pembaris yang sesuai untuk menentukan:

Kuantiti fizik	Ukuran
(a) Tebal	
(b) Luas	
(c) Isipadu	

2. Tentukan jisim bongkah kayu itu. Apakah unit yang digunakan?

.....

3. Di antara kuantiti yang telah ditentukan itu:

kuantiti yang boleh diukur terus	
Kuantiti ditentukan dengan menggunakan kaedah menghitung	

Apakah itu kuantiti asas?

Aktiviti 2 :

Perhatikan gambar-gambar berikut. Senaraikan kuantiti fizik yang diukur, alat pengukur yang digunakan serta unit pengukuran yang terlibat dalam setiap gambar.



Kuantiti Asas	Alat pengukur	S.I. Unit